

Dasar-Dasar Utama Kerajaan

Dasar-Dasar Utama Kerajaan

- Dasar-Dasar Awam
- Dasar-Dasar Pembangunan

Definisi Dasar

- Suatu kenyataan mengenai hasrat bagi mencapai sesuatu maksud atau kehendak

Definisi Dasar-Dasar Kerajaan (Awam)

Satu pengistiharan (hasrat dan ideologi kerajaan) dibuat dari semasa ke semasa untuk menyelesaikan / mendapatkan hasil/ mencapai objektif.

Kenapa Dasar Kerajaan Di buat ?

- Meningkatkan kecekapan
- Meningkatkan produktiviti
- Mengurangkan kos pengurusan
- Mengatasi masalah
- Meletakkan asas pentadbiran negara/organisasi
- Panduan bagi mencapai objektif
- Menyedarkan orang ramai perlunya sesuatu amalan baik dipraktikan

Kenapa Dasar-Dasar Kerajaan Perlu Difahami ?

- supaya dapat merangka program dan pelan tindakan bagi mencapai objektif
- mengatasi masalah dan konflik yang mungkin timbul dalam pelaksanaan dasar-dasar berkenaan
- terlibat secara langsung sebagai kakitangan awam (pelaksana dasar) dan rakyat (sasaran)

Jenis-Jenis Dasar Utama Kerajaan

- Dasar-Dasar Ekonomi
- Dasar-Dasar Sosial dan Etika Kerja
- Dasar-Dasar Luar

Bagaimana Dasar-Dasar Awam Malaysia Terbentuk

- Zaman Penjajah
- Sebelum mencapai kemerdekaan (1944-1957)
- Selepas merdeka (1957-13 Mei 1969)
- DEB (1970-1990) RRJP1
- DPN (1991-2000) RRJP2
- Wawasan 2020

Rasional Kerajaan Memperkenalkan Dasar-Dasar Awam

- Untuk memenuhi objektif-objektif sosio-ekonomi negara seperti pembangunan ekonomi, pengagihan pendapatan, perkhidmatan awam, kestabilan atau keselamatan negara dan juga kebajikan masyarakat
- Untuk menjadi sebuah negara yang makmur lagi bersatupadu berasaskan sistem demokrasi di dalam suasana pembangunan yang aman dan stabil

Kenapa Dasar Awam Perlu Difahami

- Supaya dapat merangka program dan pelan tindakan bagi mencapai objektif
- Mengatasi masalah dan konflik yang mungkin timbul dalam pelaksanaan dasar-dasar berkenaan

Jenis- Jenis Dasar Utama Kerajaan

- Dasar-Dasar Ekonomi
- Dasar-Dasar Sosial dan Etika Kerja
- Dasar-Dasar Luar

Dasar-Dasar Ekonomi

- Dasar Pembangunan Nasional
- Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP 2)
- Dasar Perindustrian Negara
- Dasar Pertanian Negara
- Dasar Penswastaaan
- Dasar Pensyarikatan Malaysia
- Dasar Halacara Baru Dalam Pembangunan Kampung Dan Luar Bandar
- Dasar Pengurangan Perbelanjaan Awam
- Dasar Kependudukan Malaysia Ke Arah 70 Juta
- Dasar/Program Pembaharuan dan Peningkatan Daya Pengeluaran Negara

Dasar-Dasar Sosial Dan Etika Kerja

- Dasar Pendidikan Kebangsaan
- Dasar Kebudayaan Kebangsaan
- Dasar Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Pentadbiran
- Dasar Pandang Ke Timur
- Dasar Bersih, Cekap Dan Amanah
- Kepimpinan Melalui Teladan

Dasar-Dasar Luar

- Konsep Kawasan Aman, Bebas Dan Berkecuali (ZOPFAN)
- Antartika
- Rancangan Kerjasama Teknik Malaysia (MTCP)

Dasar Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Pentadbiran

Rasional

- Mewujudkan warganegara Malaysia yang beridentiti dan disegani oleh masyarakat lain
- Nilai yang diterapkan dan diamal bersifat positif dan universal iaitu boleh diterima oleh semua bangsa dan penganut semua agama di Malaysia.

Objektif

- Membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang beramanah, beridentiti dan disegani oleh masyarakat lain.
- Menubuh sebuah negara yang bahagia.
- Menghapuskan sikap negatif dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawab
- Menghasilkan perkhidmatan yang bermutu.

Nilai-Nilai Yang Disarankan

- Amanah
- Bertanggungjawab
- Ikhlas
- Dedikasi
- Tekun
- Berdisiplin
- Bekerjasama
- Berbudi Mulia
- Bersyukur

Dasar Bersih, Cekap Dan Amanah

Objektif

- mewujudkan satu etika kerja dan sikap berkhidmat yang baru-peningkatan kepada hasil dan mutu kerja
- meningkatkan semangat/motivasi pekerja seiring dengan penerapan nilai-nilai islam dan kepimpinan melalui tauladan

Konsep BCA -BERSIH-

- Bersih dari segi fizikal
- Bersih dari segi moral

BERSIH

- Bermoral tinggi, bertatertib, berdisiplin, tidak menyeleweng, tidak rasuah
- Berkecuali
- Tidak memementingkan diri sendiri
- Tidak khianat, hasat dan dengki

Konsep BCA

-CEKAP-

- Berani dan cepat membuat keputusan
- Hadapi krisis dengan tenang
- Tegak kepada prinsip
- Produktiviti tinggi dan kualiti kerja
- Keyakinan diri
- Berpandangan jauh
- Berpengetahuan
- Berpengalaman dan mahir dalam bidang tertentu

Konsep BCA -AMANAHAH-

- Rela dan cuba menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dalam batas kuasa yang ditentukan dengan penuh gigih dan ikhlas bagi mencapai objektif yang ditentukan
- Mempunyai sifat luhur dan murni, jujur kepada diri sendiri, rakan dan organisasi

Langkah-Langkah Perlaksanaan

- Manual Prosedur Kerja
- Mewujudkan Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja
- Pusat Bayaran Bil Setempat
- Pejabat Pelan Terbuka
- Kad Perakam Waktu
- Pengisytiharan Harta
- Tanda Nama
- Badan Pencegah Rasuah
- Laporan Juruaudit Negara
- Perkhidmatan Cemerlang
- Pelajaran Lanjutan
- Siri Ceramah BCA di INTAN

Dasar Pensyarikatan Malaysia

Objektif

- Menggalakkan dan meningkatkan kerjasama antara sektor awam dengan sektor swasta untuk mencapai matlamat pembangunan negara
- Meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara

Strategi Perlaksanaan

- Dasar-Dasar Baru Kerajaan diintegrasikan untuk mencapai matlamat dasar ini

Contoh- Dasar Pandang ke Timur

- Dasar Bersih, Cekap dan Amanah
- Dasar Penswastaaan dan lain-lain

Mekanisme Perlaksanaan

- Panel perunding
- Pelonggaran peraturan
- Pembaikan pentadbiran
- Arahan terbaru (PKPA
Bil. 9 Tahun 1991)

Kaitan Dasar Dengan Wawasan 2020 dan Rangka Rancangan Jangka Panjang II (RRJPII)

- Hubungan kerjasama antara sektor awam dan swasta ini menjadi bertambah penting bagi mencapai cita-cita Wawasan 2020
- Sektor awam bertanggungjawab menentukan bahawa semua "subsystems" di negara ini bertindak ke arah mencapai Wawasan 2020. Walaupun sektor swasta telah diberi tugas pemimpin bagi mengeratkan kemajuan ekonomi
- Wawasan 2020 berkehendakan ekonomi Malaysia yang berdaya saing , yang mampu mengekalkan keupayaan dalam jangka panjang, bersifat dinamik, teguh dan berdaya tahan

Penilaian Ke Atas Pelaksanaan Dasar Pensyarikatan Malaysia Setakat Ini

Pencapaian

- Penubuhan Panel Perunding
- Penubuhan Panel Pensyarikatan Malaysia
- Usaha-usaha membaiki perkhidmatan awam
- Panduan baru perlaksanaan Dasar Pensyarikatan Malaysia (PKPA Bil. 9 tahun 1991)

Kelemahan

- Pemahaman dan penerimaan konsep
- Kekesanan panel perunding terhadap
- Persepsi yang salah
- Kelemahan komunikasi
- Penyelarasan dan muafakat yang tidak efektif

Dasar Pendidikan Negara

Ciri-Ciri Pendidikan Sebelum Merdeka

Wujud lima jenis aliran sekolah akibat dasar terbuka penjajah Inggeris. Jenis-jenis sekolah : Sekolah Inggeris, Sekolah Melayu, Sekolah Agama, Sekolah Cina dan Sekolah Tamil

Akibatnya:

Anak-anak Melayu, Cina dan Tamil tidak dapat bergaul dan tidak wujud persefahaman. Tidak wujud perpaduan. Anak-anak Cina dan Tamil belajar di bandar dan anak Melayu tersisih di luar bandar. Tidak ada dasar mengenai bahasa pengantar yang tunggal. Sekolah-sekolah yang terpisah kedudukannya mengikut geografi dan taburan penduduk. Kurikulum bagi kelima-lima aliran sekolah berbeza. Contoh sekolah Inggeris mengikut kurikulum sekolah-sekolah di England.

Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960: (Asas Pendidikan Kebangsaan)

Untuk mencapai perpaduan negara melalui sistem pendidikan tiga asas utama mesti dipatuhi:

- Sistem persekolahan yang sama bagi semua
- Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar utama di semua peringkat persekolahan
- Kurikulum dan peperiksaan sekolah yang sama kandungan dan bercorak kebangsaan

Falsafah Pendidikan Ke Arah Abad 21

- Berasaskan kepada Penyata Razak 1956, Penyata Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961
- Berpandukan kepada Prinsip-prinsip Rukun Negara dan Dasar Ekonomi Baru

Cabaran Pendidikan Masa Kini Dan Akan Datang

- Pengetahuan berunsur ketuhanan untuk menghalang nilai-nilai bebas
- Pendidikan yang menekankan perkembangan akal dan fakulti rasional manusia supaya perhatian unsur-unsur lain terutama unsur rohani diberi lebih perhatian
- Pendidikan tidak sahaja tertumpu kepada kebendaan sahaja dan ilmu untuk ilmu sahaja
- Ilmu yang disampai akan berjaya untuk membawa kepada hakikat kebenaran
- Pelajar dapat memperkembangkan watak untuk mencapai matlamat kehidupan yang sebenar.

Falsafah Dan Matlamat Pendidikan Negara

Berasaskan:

- Penyata Razak 1965 dan Laporan Rahman Talib 1960
- Akta Pelajaran 1961
- Laporan Jawatankuasa Mengkaji Semula Perlaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan 1979
- Rukun Negara
- Prinsip-Perinsip Pendidikan
- Matlamat Pendidikan

FALSAFAHNYA

Pendidikan adalah suatu usaha berterusan ke arah perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Matlamatnya:

Untuk individu- Perkembangan secara menyeluruh
Negara- Perpaduan Negara
Ekonomi – Kemakmuran

Perkembangan Secara Menyeluruh:

Percaya dan patuh kepada Tuhan

Berilmu pengetahuan dan berketrampilan

Berakhlak mulia

Bertanggungjawab kepada diri, masyarakat,
agama dan negara

Berbakti dan memberi sumbangan kepada
masyarakat dan negara

Memiliki peribadi yang seimbang dan
bersatupadu

Struktur Pendidikan Negara

- Peringkat Rendah
- Menengah Rendah
- Menengah Atas
- Selepas SPM

Peringkat Rendah

- Kemahiran menulis, membaca dan mengira
- Pendidikan percuma dan wajib

Peringkat Menengah Rendah

- Kesenambungan persekolahan peringkat rendah
- Menentukan sejauh manakah pembelajarannya berkesan

Peringkat Menengah Atas

Akademik-sains, sastera dan agama
Vokasional-pertukangan, ekonomi
rumahtangga, pertanian dan perdagangan

Selepas SPM

Peperiksaan STPM- kelas tingkatan enam
Pendidikan Tinggi- Universiti

Dasar Perindustrian

Perlu Ada Satu Dasar Perindustrian Negara

- Kemelesetan ekonomi tahun 80-an
- Kelemahan sektor perindustrian
- Menyahut cabaran DEB
- Peluang pekerjaan dan tenaga mahir
- Pertumbuhan ekonomi seimbang
- Pertumbuhan industri kecil dan sederhana
- Ke arah modenisasi
- Penyumbang utama sektor ekonomi masa hadapan
- Persaingan antarabangsa
- Pertumbuhan bandar-bandar baru
- Ke arah negara maju

Corak Perindustrian Negara

- 50an – Getah dan Bijih Timah
- 60an – Gantian Import
- 70an – Mempelbagaikan Ekonomi
- 80an – Industri Berat
- 90an – Peranan Swasta dan Pelaburan Asing

Kelemahan-Kelemahan Sektor Perindustrian

- Pertumbuhan sektor ekspor kurang memuaskan
- Ekspor terlalu bergantung kepada industri elektrik, elektronik dan tekstil sahaja
- Mutu keluaran tidak dapat bersaing dengan keluaran negara asing
- Tidak ada rantaian antara sektor industri yang lain
- Industri yang ada kurang nilai tambah

Langkah-Langkah Kerajaan Mempergiatkan Sektor Perindustrian

- Kajian Dasar Perindustrian Negara
- Penggubalan Pelan Induk Perindustrian
- Mewujudkan iklim pelaburan yang sihat
- kadar bayaran elektrik murah
- pembinaan kawasan perdagangan bebas

Strategi-Strategi Perindustrian Di bawah RRJP2 (1991-2000)

Matlamat RRJP2

1. Sektor perindustrian dijangka akan terus menerajui pertumbuhan ekonomi
2. Teras akan datang memperkukuh asas sektor pembuatan dan mempelbagaikan eksport keluaran sektor tersebut

Strategi

- Mempelbagai industri tempatan (pelancongan, perhotelan dan pengangkutan)
- Kurangkan penggantungan kepada sektor tekstil, elektronik dan elektrik
- Usaha mengenalpasti sumber baru (bunga dan buah-buahan)
- Mempelbagaikan keluaran dan pasaran bagi sektor pembuatan
- Meningkatkan kemahiran tenaga kerja
- Pembangunan teknologi
- Menaikkan taraf kemudahan-kemudahan infrastruktur

Dasar Pertanian Negara

Objektif DPN

1. Memaksimumkan pendapatan sektor pertanian melalui penggemblengan sumber-sumber negara secara cekap dan berkesan supaya sumbangan sektor pertanian kepada pertumbuhan ekonomi negara dapat dipergiatkan semula.
2. Memaksimumkan pendapatan pengusaha/pekebun kecil melalui peningkatan daya pengeluaran supaya kadar kemiskinan dapat dikurangkan dan kualiti hidup keluarga diperbaiki.
3. Memaju dan meningkatkan hasil serta mutu komoditi yang mempunyai potensi besar untuk eksport atau bahan gantian import dan komoditi terpilih untuk bahan makanan serta perindustrian

Strategi DPN

Pembukaan Tanah Baru

1. Pembangunan in-situ
2. Perkhidmatan sokongan pertanian
3. Pembangunan sosial dan institusi
4. Penswasta dan penyertaan pihak swasta
5. Pembangunan komoditi

Kemajuan Sektor Pertanian Selepas DPN Dilancarkan

- Keluaran komoditi utama koko, kelapa sawit, balak, perikanan dan ternakan memuaskan
- Kawasan kelapa sawit melebihi kawasan getah- peranan FELDA dan FELCRA
- Tangkapan ikan laut dalam meningkat
 - peranan LKIM, Bank Pertanian

DPN Dalam RRPJ2 Dan RMK6

- Prospek sektor pertanian amat menggalakkan
- Meorientasikan semula sektor pekebun-pekebun kecil ke arah komersil.
- Menyusun semula penanaman padi supaya setanding dengan pertanian moden yang lain
- Menumpukan kepada pembangunan *In-Situ*
- Sektor pertanian perlu dimodenkan dengan aktiviti-aktiviti yang lebih komersil seperti hortikultur, perikanan laut dalam dan ternakan
- Pertumbuhan '*downstream processing*' dan pemasaran hasil pertanian.

Dasar Penswastaan

Rasional Dasar

- Penswastaan akan meningkatkan ekonomi dan memberi perkhidmatan lebih baik
- Beban kewangan yang besar ditanggung oleh kerajaan akibat saiz Perkhidmatan Awam yang besar
- Ekonomi meleset

Konsep

- Pemindahan aktiviti dan tanggungjawab awam kepada swasta dalam bentuk entiti dimiliki kerajaan dan pelaksanaan projek baru. Pemindahan ini melibatkan tiga komponen : Tanggungjawab, aset atau hak menggunakan aset, kakitangan
- Sesuatu bentuk penswastaan seharusnya melibatkan pemindahan sekurang-kurangnya satu dari tiga komponen

Objektif

- Mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran kerajaan
- Meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran
- Mempercepatkan pertumbuhan ekonomi
- Mengurangkan saiz dan penglibatan sektor awam dalam ekonomi
- Membantu mencapai matlamat Dasar Ekonomi Negara

Mekanisme/Bentuk-Bentuk Penswastaan

- Penjualan aset atau ekuiti
- Pajak
- Kontrak pengurusan
- Bina-kendali-pindah atau *build-operate-transfer* dan bina-kendali atau *build-operate*

Perlaksanaan Dasar Setakat Ini

- Sehingga 1990, 37 projek telah diswastakan. 27 projek melibatkan pengambilalih entiti kerajaan yang sedia ada. Selebihnya pembinaan projek baru

Pelan Tindakan Penswastaan

- Entiti utama
- Entiti milik majoriti kerajaan yang mudah diswastakan
- Entiti yang memerlukan penyusunan semula
- Perkhidmatan
- Entiti milik minoriti kerajaan yang disenaraikan di bursa saham
- Projek baru

Rangka
Rancangan
Jangka
Panjang 2
(RRJP 2)

Tempoh

- 10 tahun (1990 –2000)
- Dibuat selepas RRJKP 1 –10 tahun (1970-1990)

RRJP 2 Berteraskan DPN Dan Pengganti Kepada DEB

- Teras DPN
 - Pembangunan yang seimbang berasaskan prinsip pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama bagi mewujudkan masyarakat yang lebih bersatu padu dan adil
 - Langkah permulaan ke arah mencapai negara maju menjelang 2020 bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi juga dari semua segi

Cabaran DPN

- Mewujudkan keseimbangan yang optimum di antara matlamat pertumbuhan ekonomi dan pembahagian yang saksama
- Memastikan pembangunan yang seimbang bagi sektor-sektor utama ekonomi untuk meningkatkan daya saling melengkapi antara sektor
- Mengurangkan dan akhirnya menghapuskan keadaan ketidakseimbangan sosial dan ekonomi dalam negara untuk menggalakkan pengkongsian faedah pembangunan secara lebih adil dan saksama
- Menggalakkan dan memperkukuhkan integrasi nasional dengan mengurangkan jurang ketidakseimbangan yang luas dalam pembangunan ekonomi di kalangan negeri-negeri dan antara kawasan bandar dan luar bandar

Pencapaian RRJP 1

- RRJP 1 berteraskan DEB
- Matlamat DEB untuk mencapai perpaduan negara melalui strategi pembangunan serampang dua mata :
 - Mengurangkan dan akhirnya membasmi kemiskinan dengan meningkatkan pendapatan dan menambah peluang-peluang pekerjaan untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum
 - Mempercepatkan proses penyusunan masyarakat Malaysia untuk memperbetulkan ketidakseimbangan ekonomi supaya dapat mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi

RRJP2 Dan DPN
Merupakan Langkah
Pertama Pencapaian
Wawasan 2020

Rancangan Malaysia

Ke - 6

(Menyediakan
Program Untuk
Melaksanakan
Strategi Dan
Matlamat DPN)

- Teras pembangunan RRJP 2
 - Pembangunan seimbang dan penyertaan sektor swasta

DPN - Matlamat

- Membina sebuah negara yang bersatu padu dan masyarakat
- Mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih adil, maju, aman dan makmur selaras dengan prinsip-prinsip Perlembagaan dan Rukun Negara

Dimensi Baru DPN

- Memperbaiki lagi ketidakseimbangan sosial dan ekonomi
- Meneruskan dasar liberal
- Golongan minoriti

Prospek Dan Matlamat-Matlamat Di bawah RRJP 2

- Pertumbuhan pesat RRJP 1 akan berterusan di bawah RRJP 2
- Gunatenaga dijangka dalam sektor perkhidmatan akan bertambah dengan ketara
- Peningkatan pelaburan swasta dalam nilai sebenar
- Hasil Kerajaan Persekutuan akan bertambah

Sekian

Terima Kasih